

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**PELAKSANAAN PENGAJARAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN  
PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR DALAM KURSUS  
BAHASA MELAYU DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM**

**ALIZAH BINTI LAMBRI**

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**BANGI**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**ABSTRAK**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kajian ini bertujuan melihat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) Bahasa Melayu berpusatkan pelajar yang dilaksanakan oleh pensyarah pada peringkat pengajian tinggi. Kajian memberi fokus terhadap pengetahuan pensyarah Bahasa Melayu tentang pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP), serta meneliti proses pelaksanaannya. Kaedah dan aktiviti PBP yang dilaksanakan dalam P&P Bahasa Melayu turut diberi tumpuan. Maklum balas pelajar terhadap pelaksanaan PBP juga turut dibincangkan. Peserta kajian terdiri daripada seorang pensyarah program Bahasa Melayu dan 21 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu di sebuah Universiti Awam (UA). Pemilihan peserta kajian dipilih secara bertujuan. Pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk naratif. Hasil analisis mendapati, pensyarah Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan tentang PBP dan ada melaksanakannya dalam P&P. Pelaksanaan PBP di dalam kelas dapat dilihat pada peringkat set induksi, perkembangan dan penutupan. Manakala, PBP di luar kelas dapat dilihat menerusi tugasan pelajar, meliputi tugasan individu, berpasangan dan berkumpulan. Pelbagai kaedah dan aktiviti PBP serta alat dan bantu bantu mengajar boleh digunakan dalam P&P Bahasa Melayu pada peringkat pengajian tinggi. Maklum balas pelajar terhadap pelaksanaan PBP dapat dilihat menerusi sikap positif yang ditunjukkan oleh pelajar. Terdapat juga pelajar yang bersikap negatif terhadap pelaksanaan PBP. Melalui PBP, penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar dapat diwujudkan. Faktor yang mendorong pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu pada peringkat pengajian tinggi telah dikenal pasti dan dinyatakan dalam kajian ini. Implikasi dan cadangan kajian turut dikemukakan bagi menggalakkan pendidik Bahasa Melayu menggunakan PBP dalam pengajaran mereka. Sebuah model PBP Bahasa Melayu telah dihasilkan dan boleh dijadikan panduan kepada pendidik Bahasa Melayu yang berminat dan berhasrat untuk melaksanakan PBP.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN



# IMPLEMENTATION OF TEACHING USING STUDENT CENTERED LEARNING APPROACH IN MALAY LANGUAGE COURSES AT A PUBLIC UNIVERSITY

## ABSTRACT

This study was carried out in order to look at the implementation of student-centered approach in teaching and learning of Bahasa Melayu, conducted by a lecturer at tertiary level. The focus of this study was to determine the lecturer's knowledge about the student-centered approach in teaching and learning (SCL) as well as the implementation process. In addition, this study examined the methods and activities implemented in the teaching and learning of Bahasa Melayu. Moreover, students' feedbacks on the implementation of the PBP were also discussed. A lecturer of Bahasa Melayu and 21 students of Bachelor of Education (Malay Language) were chosen as the participants of this study by using purposive sampling technique. Observation, interview and document analysis were used as the main techniques in data collection. The collected data were descriptively analysed and presented in a narrative form. The results of the study showed that the lecturer has ample knowledge about SCL approach and has practiced it in her teaching. The implementation of SCL approach in teaching and learning of Bahasa Melayu in the classroom can be identified and observed through the stage of induction, development and closing sets. Meanwhile, SCL conducted outside of the classroom can be observed through students' assignments, ranging from individual, pairs and group tasks. Furthermore, various methods and activities related to SCL approach as well as teaching aids can be used in the teaching and learning of Bahasa Melayu at tertiary level. The results also showed that most of the students' attitude towards SCL approach were positive, however, there are also students who responded negatively. The factors that drove the implementation of SCL in the teaching and learning of Bahasa Melayu at tertiary level were identified and described in this study. Furthermore, the implication and recommendation for future study were explained in order to encourage Bahasa Melayu educators to use SCL in their teaching. A model of Bahasa Melayu PBP was developed and can be used as a guide for Bahasa Melayu educators who are interested in implementing SCL approach in their teaching and learning.

## KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) di institusi pengajian tinggi (IPT)	3
1.2.2	Senario pengajaran dan pembelajaran (P&P) Bahasa Melayu	5
1.3	Penyataan Masalah	11
1.4	Tujuan Kajian	15
1.5	Objektif Kajian	16
1.6	Soalan Kajian	16
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.8	Kepentingan Kajian	23
1.9	Batasan Kajian	24
1.10	Definisi Operasional	26
1.10.1	Pengajaran dan pembelajaran	26
1.10.2	Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar	27

1.11	Kesimpulan	28
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>BAB II</b>	<b>ULASAN KEPUSTAKAAN</b>	
2.1	Pengenalan	29
2.2	Latar Belakang P&P Bahasa Melayu di IPT	29
2.2.1	Pendidikan Bahasa Melayu abad ke-21	31
2.2.2	Pemilihan pendekatan pengajaran dalam P&P Bahasa Melayu	33
2.2.3	Pemilihan dan penggunaan sumber P&P Bahasa Melayu menggunakan pendekatan PBP	34
2.2.4	Pembelajaran Bahasa Melayu abad ke-21	36
2.2.5	Pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pendidik Bahasa Melayu	41
2.3	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	45
2.3.1	Aspek-aspek pembelajaran konstruktivisme	48
2.3.2	Pandangan konstruktivisme tentang pembelajaran	50
2.4	Hubungan Teori Konstruktivisme Dengan Pendekatan PBP	51
2.5	Teori Pembelajaran Humanisme	52
2.6	Teori Pembangunan Pelajar Chickering	55
2.7	Model Pengajaran Berpusatkan Pelajar Burden Dan Byrd (2003)	57
2.8	Model Pengajaran Berpusatkan Pelajar KPM (1997)	61
2.9	Konsep Pendekatan PBP dalam P&P Bahasa Melayu	65
2.9.1	Kepentingan PBP dalam P&P Bahasa Melayu	67
2.10	Kaedah Pembelajaran Bahasa Melayu Menggunakan Pendekatan PBP	67
2.10.1	Pembelajaran inkuiiri	68
2.10.2	Pembelajaran berasaskan masalah	68
2.10.3	Kajian kes	69
2.10.4	Pembelajaran koperatif	70
2.10.5	Pembelajaran penguasaan (Mastery Learning)	71
2.10.6	Pembelajaran konstruktif	72
2.10.7	Pembelajaran berdasarkan projek	73

<b>2.11</b>	<b>Penerapan Teori Konstruktivisme Menerusi Pendekatan PBP dalam P&amp;P Bahasa Melayu</b>	<b>74</b>
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2.11.1	Teknik perbincangan	74
2.11.2	Teknik penyoalan	75
2.11.3	Aktiviti simulasi	76
2.11.4	Aktiviti sumbang saran	77
2.11.5	Aktiviti penyelesaian masalah	77
2.11.6	Aktiviti kumpulan	78
2.11.7	Aktiviti permainan	78
2.11.8	Kaedah projek	78
2.11.9	Kaedah inkuiiri	79
<b>2.12</b>	<b>Peranan Pendidik Bahasa Melayu dalam PBP</b>	<b>80</b>
<b>2.13</b>	<b>Peranan Pelajar dalam PBP</b>	<b>81</b>
<b>2.14</b>	<b>Cabarani Pelaksanaan Pendekatan PBP</b>	<b>82</b>
<b>2.15</b>	<b>Tinjauan Kajian Lepas</b>	<b>83</b>
2.15.1	Kajian berkaitan strategi dan pendekatan pengajaran	83
2.15.2	Kajian berkaitan PBP	86
<b>2.16</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>94</b>
<b>BAB III METODOLOGI</b>		
<b>3.1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>95</b>
<b>3.2</b>	<b>Reka Bentuk Kajian</b>	<b>95</b>
3.2.1	Rasional pemilihan reka bentuk kualitatif	96
3.2.2	Rasional pengkaji menggunakan kaedah kajian kes	97
<b>3.3</b>	<b>Penentuan dan Pemilihan Peserta Kajian</b>	<b>101</b>
<b>3.4</b>	<b>Latar Peserta Kajian</b>	<b>107</b>
3.4.1	Latar belakang pensyarah	108
3.4.2	Latar belakang pelajar	109
<b>3.5</b>	<b>Pemilihan Lokasi Kajian</b>	<b>110</b>
3.5.1	Rasional pemilihan lokasi kajian	111
<b>3.6</b>	<b>Tempoh Kajian</b>	<b>113</b>
<b>3.7</b>	<b>Prosedur Pelaksanaan Kajian</b>	<b>114</b>

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	3.7.1 Peringkat persediaan	114	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	3.7.2 Peringkat pelaksanaan	116	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS	3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan	117	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS			UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
	3.8.1 Triangulasi	118				
	3.8.2 Tempoh kajian yang lama	118				
	3.8.3 Persetujuan peserta kajian	119				
	3.8.4 Penelitian rakan sebaya	119				
	3.8.5 Jejak audit	120				
	3.8.6 Penerangan yang jelas dan terperinci	120				
3.9	Teknik Pengutipan Data	120				
	3.9.1 Teknik pemerhatian	121				
	3.9.2 Teknik temu bual	126				
	3.9.3 Analisis dokumen	130				
3.10	Prosedur Penganalisisan Data	131				
	3.10.1 Analisis semasa pengumpulan data	132				
	3.10.2 Analisis selepas pengumpulan data	135				
3.11	Kesimpulan	138				
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>					
4.1	Pengenalan	139				
4.2	Pengetahuan Pensyarah Tentang Pendekatan PBP	140				
	4.2.1 Latar belakang pensyarah	140				
	4.2.2 Pengalaman mengajar pensyarah	141				
	4.2.3 Kaedah pengajaran	142				
	4.2.4 Ciri pensyarah berpusatkan pelajar	149				
	4.2.5 Pemahaman pensyarah tentang pendekatan PBP	160				
	4.2.6 Latihan	162				
	4.2.7 Galakan	163				
4.3	Rumusan	165				
4.4.	Pelaksanaan Pendekatan PBP dalam P&P Bahasa Melayu	168				
	4.4.1 Persediaan pensyarah	168				
	4.4.2 Proses pelaksanaan PBP dalam P&P Bahasa Melayu	170				
	4.4.3 Penilaian PBP dalam P&P Bahasa Melayu	196				

4.4.4	Alat dan bahan bantu mengajar (ABM/BBM)	203
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.5	Rumusan	210
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.6	Kaedah, Teknik dan Aktiviti PBP yang Diamalkan oleh Pensyarah Bahasa Melayu	212
4.6.1	Aktiviti PBP di dalam kelas	212
4.6.2	Aktiviti PBP di luar kelas	256
4.7	Rumusan	272
4.8	Maklum Balas Pelajar Terhadap Pendekatan PBP yang Dilaksanakan dalam Kursus Bahasa Melayu	273
4.8.1	Pemahaman pelajar	273
4.8.2	Sikap pelajar	278
4.8.3	Faedah PBP kepada pelajar	282
4.8.4	Kemahiran insaniah	286
4.9	Rumusan	294
4.10	Kesimpulan	295
<b>BAB V</b>	<b>IMPLIKASI, KESIMPULAN, CADANGAN KAJIAN LANJUTAN</b>	
5.1	Pengenalan	296
5.2	Rumusan Kajian	296
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	298
5.3.1	Pengetahuan pensyarah Bahasa Melayu tentang PBP	298
5.3.2	Pelaksanaan pendekatan PBP dalam P&P Bahasa Melayu	306
5.3.3	Kaedah, teknik dan aktiviti PBP yang diamalkan oleh pensyarah Bahasa Melayu	318
5.3.4	Maklum balas pelajar terhadap pendekatan PBP yang dilaksanakan dalam kursus Bahasa Melayu	330
5.3.5	Rumusan	342
5.4	Implikasi Kajian	345
5.4.1	Implikasi terhadap teori	345
5.4.2	Implikasi terhadap pelajar, pengajar dan universiti	348
5.4.3	Implikasi terhadap bidang Bahasa Melayu	349
5.4.4	Implikasi terhadap kemahiran insaniah pelajar	350

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>5.5 Sumbangan Kajian Terhadap Perkembangan Ilmu</b>		<b>350</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>5.6 Cadangan Kajian Lanjutan</b>		<b>354</b>
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>5.7 Kesimpulan</b>		<b>356</b>
<b>RUJUKAN</b>		<b>357</b>
<b>LAMPIRAN</b>		
<b>A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Fakulti</b>		<b>386</b>
<b>B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada KPT</b>		<b>387</b>
<b>C Surat Kebenaran Peserta Kajian</b>		<b>388</b>
<b>D Protokol Senarai Semak Pemerhatian 1</b>		<b>389</b>
<b>E Protokol Senarai Semak Pemerhatian 2</b>		<b>391</b>
<b>F Protokol Senarai Semak Pemerhatian 3</b>		<b>394</b>
<b>G Protokol Soalan Temu Bual Pensyarah</b>		<b>395</b>
<b>H Protokol Soalan Temu Bual Pelajar</b>		<b>397</b>
<b>I Transkrip Temu Bual Pensyarah</b>		<b>401</b>
<b>J Contoh Transkrip Temu Bual Pelajar</b>		<b>405</b>
<b>K Nota Lapangan</b>		<b>420</b>
<b>L Nota Lapangan</b>		<b>421</b>

## **SENARAI JADUAL**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**Halaman**

**No. Jadual**

2.1	Kaedah pengajaran berpusatkan pelajar Burden & Byrd (2003)	59
2.2	Kaedah pengajaran berpusatkan pelajar KPM (1997)	63
3.1	Persepsi pensyarah Bahasa Melayu terhadap PBP	104
3.2	Pemerhatian di dalam kelas	123
3.3	Temu bual bersama pensyarah	129
3.4	Temu bual bersama pelajar	129
4.1	Pola pelaksanaan PBP di dalam kelas	186
4.2	Pola pelaksanaan PBP di luar kelas	195
4.3	Pola ABM/BBM yang digunakan dalam PBP	209
4.4	Kaedah dan aktiviti PBP	271
5.1	Ciri penyampaian kuliah	302
5.2	Kaedah dan pembelajaran berpusatkan pelajar	351

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Halaman
1.1 Kerangka konseptual kajian	22
3.1 Prosedur pengumpulan data	131
3.2 Prosedur analisis data	138
4.1 Tema dan konstruk pengetahuan pensyarah tentang PBP	167
4.2 Tema dan konstruk pelaksanaan pendekatan PBP dalam P&P Bahasa Melayu	211
4.3 Maklum balas pelajar terhadap pelaksanaan PBP	295
5.1 Model pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar	354

## SENARAI SINGKATAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
et al.	<i>and others</i>	
ABM	Alat Bantu Mengajar	
BBM	Bahan Bantu Mengajar	
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>	
IPT	Institusi Pengajian Tinggi	
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam	
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	
KBKK	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif	
KI	Kemahiran Insaniah	
KKM	Kerangka Kelayakan Malaysia	
KOMSAS	Komponen Sastera	
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>	
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia	
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi	
LCD	<i>Liquid Crystal Display</i>	
LO	<i>Learning Outcome</i>	
M1-M13	Minggu 1-Minggu 13	
NKRA	<i>National Key Result Areas</i>	
OBE	<i>Outcome Based Education</i>	
P	Pensyarah	
P1-P39	Pemerhatian 1-Pemerhatian 39	
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran	
PBP	Pengajaran dan Pembelajaran berpusatkan Pelajar	
PBM	Pembelajaran Berasaskan Masalah	
PhD	<i>Doctor of Philosophy</i>	
PK	Peserta Kajian	
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia	
PSPTN	Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara	
RI	Rancangan Instruksional	
SCL	<i>Student Centered Learning</i>	
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan	

**SMKJ**

**Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**TB1**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**TB 2**

**Temu Bual Kali Pertama**

UNIVERSITI PENDID

**TB 3**

**Temu Bual Kali Ketiga**

**TB 4**

**Temu Bual Kali Keempat**

**TB 5**

**Temu Bual Kali Kelima**

**TBK1**

**Temu Bual Kumpulan 1**

**TBK 2**

**Temu Bual Kumpulan 2**

**TBK 3**

**Temu Bual Kumpulan 3**

**TBK 4**

**Temu Bual Kumpulan 4**

**TBK 5**

**Temu Bual Kumpulan 5**

**TBK 6**

**Temu Bual Kumpulan 6**

**TBK 7**

**Temu Bual Kumpulan 7**

**TBK 8**

**Temu Bual Kumpulan 8**

**TBK 9**

**Temu Bual Kumpulan 9**

**UA**

**Universiti Awam**

**UiTM**

**Universiti Teknologi Mara**

**UKM**

**Universiti Kebangsaan Malaysia**

**UM**

**Universiti Malaya**

**UPM**

**Universiti Utara Malaysia**

**UPSI**

**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

**US**

**Universiti Swasta**

**USM**

**Universiti Sains Malaysia**

**UUM**

**Universiti Utara Malaysia**

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Kecemerlangan ilmu dan keunggulan akademik sesebuah institusi pendidikan berkait rapat dengan penggunaan kaedah yang berkesan dan sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi melahirkan modal insan yang kompeten dan berkualiti. Justeru, paradigma baharu dalam trend P&P masa kini memberi fokus kepada peranan pelajar melebihi peranan pengajar. Menurut Aminah (2011), pada abad ini strategi dan pendekatan P&P yang semakin menjadi tumpuan ialah strategi dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP). Pada umumnya, pengajaran merupakan aktiviti yang melibatkan seorang pengajar disertai dengan aktiviti pembelajaran pelajar. Pembelajaran pula merupakan proses yang berlaku dalam akal fikiran atau kognitif pelajar. Kesan daripada proses P&P akan dapat dilihat melalui perubahan dalam tingkah laku dan percakapan seseorang pelajar itu (Esah 2004).

Dalam konteks P&P di institusi pengajian tinggi (IPT), pelbagai pendekatan P&P boleh digunakan bagi memastikan proses pembelajaran menjadi lebih bermakna dan berkesan kepada para pelajar. Antara pendekatan yang boleh digunakan oleh pensyarah termasuklah pendekatan berpusatkan pensyarah, pendekatan berpusatkan pelajar ataupun pendekatan berpusatkan bahan. Menurut Wan Azura, Lubna dan Ahmad Fazullah (2013), salah satu kaedah atau pendekatan yang menarik minat dalam kalangan para akademik di IPT ialah kaedah yang diistilahkan sebagai pembelajaran aktif. Penggunaan pendekatan, kaedah dan strategi pengajaran yang sesuai dalam proses P&P merupakan antara faktor yang menyumbang kepada keberkesanannya dan kualiti P&P pada peringkat pengajian tinggi (Opdenakker dan Dammer 2006).

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti P&P yang digunakan oleh pensyarah dalam kursus Bahasa Melayu di sebuah Universiti Awam. Bagi menjelaskan dengan lebih lanjut berkaitan kajian ini, bab ini akan menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian serta kerangka konseptual kajian. Selain itu, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan dan definisi operasional juga turut dibincangkan dalam bab ini.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Salah satu teras dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) ialah meningkatkan kualiti P&P (Kementerian Pendidikan Malaysia 2010). Sehubungan itu, pendidikan pada abad ke-21, khususnya pada peringkat pengajian tinggi lebih menumpukan kepada proses P&P yang berfokus kepada pelajar dan lebih mementingkan pengalaman sebenar pelajar (Hussain et al. 2009). PBP merupakan pendekatan P&P yang boleh membina tiga jenis kemahiran dalam diri pelajar, iaitu pengetahuan, kemahiran dalam bidang pekerjaan dan juga kemahiran insaniah (Abdullah 2004). Selain itu, pendekatan PBP juga turut menggalakkan pelajar menghasilkan idea, berani untuk memberikan pendapat, di samping menggalakkan pelajar membina ilmu dan mewujudkan kerjasama dalam kalangan pelajar (Abdull Sukor 2011).

Pendekatan PBP yang mengutamakan penglibatan aktif pelajar dalam proses P&P telah mula diperkenalkan oleh tokoh-tokoh pendidikan terdahulu seperti Carl Rogers, Jean Piaget, John Dewey, dan Lev Vygotsky (Kamarudin dan Siti Hajar 2003). Menurut mereka, pendekatan PBP berupaya mewujudkan pengalaman pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar serta menggalakkan penglibatan pelajar dalam proses P&P. Hal ini demikian kerana, semasa proses P&P berlangsung, peranan pelajar diberi keutamaan. Walau bagaimanapun, bimbingan dan perhatian pengajar masih lagi diperlukan. Dalam konteks ini, pembimbing perlu mewujudkan prosedur pemantauan agar pelajar bertanggungjawab terhadap apa yang dipelajari oleh mereka. Dalam PBP juga, penyampaian pengajar ditumpukan kepada pengajaran yang

bermakna supaya para pelajar memahami fakta-fakta yang disampaikan dan mereka

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

berupaya membuat kesimpulan (Mok Soon Sang 2008).

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

### **1.2.1 Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (PBP) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)**

Pada peringkat pengajian tinggi, pendekatan PBP telah mula diberi penekanan serius selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Areas* (NKRA). Pada abad ke-21, kebanyakan IPT telah mula memperkenalkan strategi PBP dalam sistem pengajaran dan pembelajaran mereka. Antara Universiti Awam yang terlibat, termasuklah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan beberapa Universiti Awam lain (Kementerian Pendidikan Malaysia 2010).

Selaras dengan transformasi dalam pendidikan, pendekatan PBP didapati merupakan pendekatan yang amat sesuai dipraktikkan dalam apa jua proses P&P. Beberapa dasar turut dibentuk dalam usaha menggalakkan pelaksanaan PBP, iaitu termasuklah menjadikan amalan pengajaran menggunakan PBP sebagai salah satu elemen *Key Performance Indicator* (KPI) kepada pensyarah yang mengamalkan pendekatan pengajaran tersebut dalam pengajaran mereka (Kementerian Pengajian Tinggi 2010). Di UKM, selaras dengan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM), UKM komited melaksanakan kurikulum berdasarkan hasil atau *Outcome Based Education* (OBE) yang memberi lebih fokus kepada pelajar. Hal ini bertujuan untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan membentuk diri pelajar yang berdikari dalam tempoh jangka masa panjang (Dasar Pembelajaran Berpusatkan Pelajar UKM 2010).

Dalam aspek P&P, UKM memberi fokus kepada aspek minda pelajar dan tenaga pengajar. Selain itu, aktiviti P&P yang dirancang perlulah selaras dengan falsafah PBP (Dasar Pembelajaran Berpusatkan Pelajar UKM 2010). Dalam hal ini, kurikulum OBE didapati menekankan kepada persekitaran P&P dan penilaian yang memberi fokus kepada pelajar. Justeru, pelaksanaan OBE memerlukan anjakan pembelajaran daripada berpusatkan pensyarah kepada PBP. Kurikulum OBE memberi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIK

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

peluang kepada para pensyarah untuk melaksanakan pendekatan PBP. Hal ini demikian kerana, OBE menekankan kepada persekitaran P&P dan penilaian yang memberi fokus kepada pelajar.

Selain itu, di UKM juga, pendekatan PBP yang diamalkan oleh pensyarah adalah bertujuan menjadikan pelajar lebih aktif dalam memperoleh pengetahuan dan kemahiran. Di samping itu, pelajar juga diharapkan mampu menjalankan aktiviti seperti kerja lapangan, kuiz dan dapat menggunakan kemahiran teknologi dan maklumat (TMK) secara optimum. Dalam hal ini, pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri supaya mereka sedar apa yang telah dipelajari dan tahu mengapa mereka perlu mempelajari sesuatu (Dasar Pembelajaran Berpusatkan Pelajar UKM 2010). Selain itu, penggunaan model P&P yang aktif dan bersesuaian dengan peringkat pengajian juga amat digalakkan. Dalam konteks ini, kaedah P&P yang disarankan adalah seperti pembelajaran koperatif, kolaboratif, pembelajaran komuniti, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan projek, kajian kes, pembelajaran berasaskan rakan sebaya, pembelajaran konstruktivisme serta pembelajaran berasaskan inkuiiri (Dasar Pembelajaran Berpusatkan Pelajar UKM 2010).

Pelaksanaan pendekatan PBP memerlukan teknik penilaian pelajar yang berkualiti. Persekitaran PBP juga menyediakan peluang kepada pelajar untuk memberi maklum balas dan penambahbaikan sepanjang proses pembelajaran. Berikutnya itu, teknik penilaian yang boleh dilaksanakan dalam PBP adalah seperti penulisan jurnal dan log, penyediaan portfolio (e-portfolio), penilaian rakan sebaya, pelaksanaan projek dan kerja kumpulan. Penggunaan penilaian berasaskan rubrik juga turut digalakkan untuk penilaian yang objektif dan berkesan semasa menilai tugas pelajar (Dasar Pembelajaran Berpusatkan Pelajar UKM 2010). Walau bagaimanapun, dasar PBP yang diutarakan oleh UKM mestilah dilaksanakan secara rujukan silang (*cross-referencing*) dengan dasar P&P sedia ada serta dasar pengalaman pembelajaran secara menyeluruh (Dasar Pembelajaran Berpusatkan Pelajar UKM 2010).

Seterusnya, menurut Aminah (2011) pelaksanaan PBP di UPSI pula diharap dapat menghasilkan suatu inovasi dalam pembelajaran, misalnya menerusi

pembelajaran aktif, kontekstual dan eksperimental. Pelajar pula diharap dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran, misalnya dengan meneroka dan menyelidik ilmu pengetahuan yang baru. Selain itu, kemahiran berfikir yang tinggi serta kemahiran menyelesaikan masalah juga mesti diterapkan dalam setiap proses P&P. Manakala, para pensyarah pula digalakkan untuk mengikuti latihan berkaitan dengan PBP. Komitmen yang tinggi amat diperlukan daripada pensyarah dan pelajar bagi memastikan pelaksanaan PBP dapat dilaksanakan dengan lancar.

Di samping itu, menerusi pendekatan PBP juga, pelajar dan pengajar perlu tahu menggunakan teknologi digital, tahu menggunakan portal web, serta mampu melaksanakan kajian kes dan kajian lapangan (Aminah 2011). Pelajar dan pensyarah juga diharap mampu melaksanakan P&P berdasarkan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBM), menjalankan projek, tutorial dan menjalani praktikal. Penilaian pula harus dilakukan secara berterusan menggunakan aras kognitif yang tinggi. Ujian kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK), kemahiran komunikasi dan penggunaan Bahasa Inggeris juga mesti dipraktikkan (Aminah 2011). Dalam konteks pelaksanaan PBP di UPSI, semua pensyarah dan pelajar amat digalakkan untuk memahami apa yang dimaksudkan dengan pendekatan PBP bagi memastikan mereka mempunyai daya saing yang tinggi untuk pasaran terbuka dan global.

### **1.2.2 Senario Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Bahasa Melayu**

Kurikulum dan pengajaran abad ke-21 memerlukan pensyarah mengamalkan pelbagai kaedah pengajaran. Dalam konteks ini pembelajaran kendiri amat diutamakan, termasuklah dalam konteks P&P Bahasa Melayu. Dalam pendidikan Bahasa Melayu, antara punca pensyarah sentiasa berbalik kepada amalan pengajaran tradisional semasa mengajar adalah disebabkan oleh faktor persekitaran di dalam kelas dan ruang pembelajaran yang kurang kondusif (Abdul Rasid 2009). Menurut Suseela (2008), kebanyakan pengajar masih lagi mempercayai bahawa pengajaran itu merujuk kepada pemberitahuan ilmu pengetahuan dan pembelajaran bermaksud penggunaan ilmu pengetahuan. Pengajar tidak melihat kepentingan pembelajaran berterusan yang membolehkan mereka bukan sahaja menggunakan ilmu pengetahuan sedia ada, malah mencipta ilmu pengetahuan yang baru dalam konteks P&P di dalam kelas.

Pemilihan dan pelaksanaan sesuatu pendekatan atau strategi pengajaran adalah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
amat penting bagi memastikan setiap P&P yang dirancang dapat dilaksanakan.

Menurut Mahzan (2012), P&P Bahasa Melayu seharusnya diperluaskan bukan semata-mata berfokus kepada pelbagai aspek kemahiran membaca dan memahami teks, atau menulis karangan, sebaliknya, fokus kandungan pengajaran perlu berkembang kepada peningkatan pembacaan dan pengolahan bahan bacaan secara terperinci. Untuk itu, pemilihan kaedah P&P yang digunakan oleh pendidik bahasa amat penting. Hal ini demikian kerana, strategi dan pendekatan pengajaran yang digunakan akan memberi impak atau kesan kepada penerimaan pelajar serta boleh membawa kejayaan kepada pelajar.

Menurut Osman (1998), pelbagai strategi dan pendekatan P&P telah dicadangkan oleh pihak kementerian pendidikan, namun masih belum terdapat strategi, pendekatan, kaedah atau teknik tertentu yang paling sesuai digunakan dalam situasi P&P. Jika situasi pembelajaran tidak menarik, kaedah dan strategi pengajaran pengajar pula tidak bersesuaian dengan tahap kognitif atau keperluan pelajar, maka akan menyukarkan penyaluran ilmu kepada pelajar (Chen Hwe Min 2004). Kaedah pengajaran yang kurang cekap juga akan menyebabkan proses pembelajaran menjadi kurang efektif.

Pendekatan pengajaran yang ingin digunakan merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh pendidik dalam pelaksanaan pengajaran mereka. Pendekatan merujuk kepada strategi pengajaran yang digunakan oleh pengajar dalam proses P&P. Strategi pengajaran merupakan satu cara atau teknik bagi membantu proses pengajaran supaya berjalan dengan lancar serta berkesan. Menurut Tamam et al. (2010), penggunaan sesuatu kaedah pengajaran dalam proses P&P dapat mempengaruhi tahap keberkesanan pengajaran.

Mahzan (2012) menyatakan, bagi mendepani pelbagai cabaran yang dihadapi pada masa kini dan masa depan, transformasi dalam sistem pendidikan negara, khususnya dalam aspek pendidikan Bahasa Melayu amat perlu dilaksanakan. Dalam proses pengajaran Bahasa Melayu, pelbagai cabaran dihadapi para pendidik bagi mendepani perubahan senario dalam sistem dan arah tuju pendidikan yang

menegaskan keperluan melonjakkan kemajuan negara setanding dengan negara-negara maju yang lain di dunia. Antara cabaran utama yang perlu ditangani ialah strategi perancangan dan pelaksanaan proses P&P berdasarkan keperluan dan kesesuaian peredaran masa. Masih terdapat segelintir pendidik bahasa yang kurang berjaya melunaskan tanggungjawab mereka untuk menyampaikan pengajaran bahasa yang berkesan (Naffi 2012). Oleh yang demikian, dalam konteks P&P Bahasa Melayu, para pensyarah perlu melakukan transformasi agar proses pengajaran akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Menurut Mahzan (2012) lagi, dalam proses P&P Bahasa Melayu, transformasi dikaitkan sebagai proses perubahan dalam melaksanakan tugas mengajar, kandungan yang diajar, bahan yang digunakan dan penilaian yang dapat menimbang keberkesanan proses P&P bagi mencapai matlamat yang ingin dicapai pada akhir pengajaran. Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, para pendidik yang ingin menyahut seruan transformasi ini sudah tentu perlu mengkaji apakah strategi dan pelaksanaan serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk melakukan perubahan. Perubahan yang dilakukan haruslah ke arah yang lebih baik, lebih mantap, lebih berkesan dan lebih bermakna.

Dalam pendidikan abad ke-21, para pensyarah Bahasa Melayu perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran membimbing pelajar untuk belajar hidup dalam komuniti digital, memupuk kreativiti dan mampu melalui fasa-fasa transformasi dalam penggunaan teknologi. Selain itu, Mahzan (2012) juga turut menjelaskan bahawa, pendedahan terhadap pelbagai prinsip asas dalam amalan pengajaran bahasa di dalam kelas juga perlu difikirkan dan ditinjau semula secara serius agar dapat dijadikan panduan dalam pembentukan program pendidikan bahasa yang dapat memenuhi keperluan alaf baru sebagai sebuah negara maju. Dalam konteks ini, fokus diberikan kepada pedagogi Bahasa Melayu, sama ada di sekolah ataupun di IPT di negara ini.

Proses P&P Bahasa Melayu yang berlaku di dalam kelas diharapkan dapat menghasilkan modal insan yang holistik. Sekiranya sesuatu mata pelajaran diajarkan dengan kandungan yang utuh, kaedah dan pendekatan yang terbukti berkesan, dan

dilengkapi dengan bahan pengajaran yang mampu, tentunya dapat menghasilkan pelajar yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berketerampilan dalam menonjolkan keupayaan dan potensinya pada tahap yang maksimum (Mahzan 2012). Justeru, bagi melahirkan modal insan yang dihasratkan, satu anjakan paradigma dalam proses P&P perlu disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab, termasuklah para penggubal kurikulum, para pentadbir pendidikan dan para pendidik sebagai pelaksana kurikulum di dalam kelas.

Dalam konteks kajian ini, salah satu pendekatan P&P yang disarankan ialah pendekatan PBP. Kaedah ini diharap dapat menyumbang kepada keberkesanan P&P Bahasa Melayu. Menurut Abdul Hamid (2011), terdapat banyak faktor yang menyumbang ke arah keberkesanan P&P Bahasa Melayu, antaranya ialah:

1. Pendidik yang cemerlang, iaitu pendidik yang lengkap dengan sifat-sifat keguruan, berilmu tinggi, terlatih budi pekerti, penyayang, proaktif, dinamik, pembimbing dan dapat menjadi model yang terbaik.
2. Pelajar berminat, iaitu pelajar berkeinginan hendak belajar, suka kepada pengajarnya, suka akan pelajaran dan suka kepada persekitarannya.
3. Bahan pengajaran yang sesuai, iaitu isi pelajaran yang diajarkan sesuai dengan peringkat umur dan kebolehan pelajar. Bahan pengajaran yang disampaikan berperingkat-peringkat, misalnya dari yang mudah kepada yang sukar.
4. Alat bantu mengajar yang sesuai, bermaksud setiap pengajaran perlu disertakan beberapa jenis alat bantu mengajar yang sesuai bertujuan memberi kefahaman yang mantap dan berkesan di samping menarik minat pelajar.
5. Pedagogi dan strategi pengajaran yang sesuai, iaitu pendidik harus lengkap dengan pengetahuan tentang ilmu pedagogi, mengajar dengan strategi tertentu, mengajar dengan kaedah tertentu seperti kaedah induktif, deduktif, elektik dan seumpamanya sesuai dengan peringkat pelajar dan teknik pengajaran bagi mencapai pengajaran berkesan.
6. Objektif, matlamat dan sasaran pengajaran.
7. Matlamat dan sasaran pencapaian akademik, iaitu pada akhir pengajaran pelajar faham dan dapat menggunakan pengetahuan itu dengan betul.
8. Sikap pendidik dan pentadbir institusi.

9. Kemahiran pendidik dan pentadbir institusi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

10. Motivasi pendidik dan pentadbir institusi.

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

11. Misi dan visi pendidik dan pentadbir perlu jelas dan ada usaha untuk menjayakannya.

12. Etika pendidik dan pentadbir.

13. Keadaan dan suasana persekitaran pembelajaran.

14. Kemahiran berkomunikasi.

15. Pemikiran pendidik dan pentadbir.

16. Keikhlasan dalam melaksanakan tugas.

Selain faktor tersebut, faktor pelajar juga turut menyumbang ke arah pengajaran cemerlang dan berkesan. Hal ini demikian kerana, jika hanya pengajar yang bersungguh-sungguh mengajar dengan cara yang baik dan berkesan, tetapi pelajar pula tidak mempelajari apa yang diajar dengan bersungguh-sungguh, maka usaha tersebut tidak akan mencapai matlamat dan objektifnya. Justeru, bagi memastikan P&P Bahasa Melayu berupaya melahirkan modal insan yang cemerlang akademik dan akhlaknya, peranan pensyarah dan pelajar adalah sama penting. Pengajar perlu memainkan peranan dengan sewajarnya dan melaksanakan pengajaran yang berkesan (Abdul Hamid 2011). Setiap pendidik harus mengetahui, memahami dan menghayati peranan yang harus mereka lakukan. Dalam konteks ini, pendidik bukan hanya berperanan sebagai individu yang menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar. Sebaliknya, peranan pendidik sama ada pensyarah atau guru perlu diperluaskan lagi, iaitu sebagai:

1. Pengajar, menyampai ilmu yang diperlukan sesuai dengan cara yang berkesan.
2. Pendidik, mendidik pelajar dan anak didik dengan berkesan bagi membentuk sahsiah yang positif dan berjati diri Malaysia.
3. Pemimpin, memberi bimbingan dan membentuk kewibawaan peribadi pelajar yang baik.
4. Penjaga, memerhati dan mengawas tingkah laku pelajar.
5. Penasihat, memberi nasihat dan tunjuk ajar yang baik kepada pelajar dan bersedia menjadi kaunselor kepada pelajar.
6. Perawat, merawat dari aspek mental, fizikal dan emosi pelajar.

7. Pendisiplin, melaksanakan tanggungjawab mendisiplinkan pelajar sepanjang masa.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

masa.

8. Kawan, menjadi kawan yang setia kepada pelajar bagi membentuk keperibadian yang unggul.
9. Penyelesai masalah, membantu menyelesaikan masalah pelajar.
10. Pendorong, mendorong dan memotivasiikan pelajar bagi mencapai kecemerlangan dalam pelajaran mereka.
11. Sumber maklumat, pendidik harus berperanan sebagai sumber maklumat. Bersedia untuk menyampaikan maklumat terkini kepada pelajar. Seorang pendidik harus banyak membaca dan mengumpul maklumat untuk disampaikan kepada pelajar.
12. Model ikutan, pengajar harus menjadi model yang harus diikuti oleh pelajar. Pengajar harus menjadi contoh teladan yang baik kepada pelajar.
13. Perangsang perkembangan minda kepada pelajar.
14. Mendoakan pelajar agar pelajarnya sihat, segar, senang memahami pelajaran yang diajarkan dan berjaya dalam pelajaran mereka.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan keberkesanan P&P Bahasa Melayu, perubahan kaedah pengajaran daripada berfokus kepada kuliah semata-mata perlulah diubah kepada kaedah pengajaran yang memperlihatkan kepentingan kedua-dua pihak, iaitu pelajar dan pensyarah sama-sama bertanggungjawab terhadap pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, kaedah pengajaran yang dimaksudkan ialah kaedah PBP. Pelajar dianggap bukan lagi sebagai penerima yang pasif, sebaliknya diharap dapat berdikari dan mampu menentukan pembelajaran sendiri dengan bimbingan daripada pensyarah.

Pada peringkat pengajian tinggi, para pensyarah perlu bijak memilih dan menentukan kaedah atau strategi pengajaran yang berkesan bersesuaian dengan tahap pemikiran pelajar agar pendekatan yang digunakan dapat merangsang pemikiran pelajar ke arah gaya berfikir aras tinggi dan seterusnya dapat melahirkan modal insan yang bukan sahaja cemerlang daripada segi akademiknya, tetapi juga meliputi kemahiran insaniah dan komunikasi. Pendekatan PBP yang mula diberi penekanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

pada peringkat IPT diharap dapat dilaksanakan dengan sebaiknya oleh pensyarah demi meningkatkan mutu dan kualiti P&P Bahasa Melayu di IPT.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Selaras dengan itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan melihat pelaksanaan P&P Bahasa Melayu menggunakan pendekatan PBP yang dilaksanakan di sebuah Universiti Awam. Pelaksanaan P&P yang menggunakan PBP juga dilihat bertepatan dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025, khususnya untuk pendidikan tinggi yang memberi penekanan terhadap proses pembelajaran menggunakan Model Bersepadu ataupun *Blended Learning*. Model Bersepadu ini melihat proses P&P tidak lagi sepenuhnya berfokus kepada pelaksanaan P&P di dalam kelas, sebaliknya proses pembelajaran lebih tertumpu kepada penggunaan teknologi dan memberi peluang kepada pelajar untuk melalui proses pembelajaran secara kendiri, misalnya menerusi sidang video, forum atas talian dan sebagainya (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015).

### **1.3 PENYATAAN MASALAH**

Kajian berkaitan pelaksanaan dan keberkesanan strategi PBP dalam P&P telah banyak dilaporkan dalam kajian terdahulu. Kajian-kajian tersebut meliputi pelbagai disiplin ilmu, seperti Matematik, Sains, Teknikal dan Pendidikan Islam menerusi kajian yang dijalankan oleh Zahara, Khadijah dan Anuar Ahmad (1999), Hany Ferdinando (2001), Paul dan Mark (2002), Hamdan Nor (2004), Mohd Khairi dan Ahmad Faisal (2004), Zatul Himmah (2005), Zarina (2007), Mimi Mohaffyza, Md. Nazaruddin dan Masitah (2008), Endang Lestari dan Djauhari Widjajakusumah (2009), Hafizah et al. (2010), Pham Thi Hong Thanh (2010), Jamian (2010), Zakaria (2011), Mohd Zohrabi, Mohammad Ali Torabi dan Privash Baybourdiani (2012), Wan Azura, Lubna dan Ahmad Fazullah (2013) dan Nurahima et al. (2013).

Dalam bidang Bahasa Melayu, penelitian pengkaji mendapati kajian berkaitan pelaksanaan P&P Bahasa Melayu menggunakan pendekatan PBP masih kurang dibincangkan. Tinjauan kepustakaan yang dijalankan menunjukkan kajian berkaitan strategi PBP pernah dijalankan oleh Zulkiflie (2005). Namun, fokus kajiannya hanya pada peringkat sekolah menengah sahaja. Manakala, kajian Zalhisham dan Norul

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS